PERTUBUHAN KEGIATAN DAKWAH ISLAMIAH
SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(PEKDIS CAWANGAN KELANTAN)

**MODUL KOLEKSI ITEM**
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025**
**PENDIDIKAN ISLAM**
**TINGKATAN 5** **1223/1**
**Kertas 1**

# PERATURAN PEMARKAHAN

# PENDIDIKAN ISLAM

# KERTAS 1

# 1223/1

 © 2025 Hak Cipta PEKDIS Kelantan 

## PERATURAN PEMARKAHAN PERCUBAAN SPM PIS 2025

| No. Soalan | | | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | *(a)* | (i) | **<u>Maksud kalimah yang bergaris</u> : (Nyatakan)**<br>- Agama mereka<br>- Minuman | [2 *markah*]<br>2 isi x 1m |
| | | (ii) | **<u>Kesan mempersendakan Islam:</u> (Terangkan)**<br>- Membatalkan iman(1m) **kerana** menghina nama Allah (1m)<br>- Tidak dipandang oleh Allah SWT (1m) **kerana** melakukan laranganNya.(1m)<br>- Tidak mendapat kejayaan di dunia dan akhirat (1m) **kerana** perbuatan sia-sia. (1m) | [2 *markah*]<br>2 isi x 1m<br>I : 1m<br>H : 1m |
| | | (iii) | **<u>KBAT</u>**<br>**[***Ramai di kalangan umat Islam sendiri mendakwa hukuman dalam al-Quran ketinggalan zaman dan tidak sesuai dilaksanakan zaman sekarang***]**<br>**(a) <u>Huraikan faktor berlaku situasi di atas</u>.**<br>**<u>Isi cadangan:</u> (Isi dan Huraian)**<br>- Pengaruh rakan sebaya (1m) **……H……..**(1m)<br>- Provokasi / Unsur hasutan dalam media sosial (1m) **…..H……**(1m)<br>- Kurang kefahaman agama (1m) **……H……**(1m)<br>- Fanatik beragama / taksub (1m) **……H……**(1m)<br>**(b) <u>Kemukakan cadangan anda bagi menangani masalah tersebut.</u>**<br>**<u>Isi cadangan:</u>**<br>- Kempen kesedaran<br>- Anjur seminar kefahaman<br>- Dalami ilmu agama | [6 *markah*]<br>2m<br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>4m<br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |

 © 2025 Hak Cipta PEKDIS Kelantan 

| No. Soalan | | | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (*b*) | (i) | **<u>Maksud pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah ialah:</u>** (Nyatakan)<br><br>- Pemuda yang memenuhi masa lapang dengan melakukan ibadah kepada Allah SWT (1m) / sama ada ibadat wajib atau sunat. (1m) | [2 *markah*]<br><br>2 isi x 1m |
| | | (ii) | **<u>Dua contoh ibadat wajib yang boleh dilakukan pemuda tersebut selain solat fardhu:</u>** (Senaraikan)<br><br>- Berpuasa di bulan ramadan.<br>- Mengeluarkan zakat.<br>- Menunaikan haji. | [2 *markah*]<br><br>2 isi x 1m |
| | | (iii) | **<u>KBAT</u>**<br><br>[*Segelintir remaja hari ini terlalu leka dengan gajet sehingga mengabaikan tanggungjawab beribadat kepada Allah SWT.*]<br><br>**<u>Sebagai seorang murid, bagaimana anda dapat mengelakkan diri daripada terjerumus ke dalam situasi tersebut.</u>**<br><br>**<u>Isi cadangan:</u>**<br><br>- Menetapkan jadual waktu harian yang seimbang antara pelajaran, ibadah dan masa rehat.<br>- Mengawal penggunaan telefon dan media sosial.<br>- Memastikan solat lima waktu ditunaikan tepat pada waktunya.<br>- Bergaul dengan rakan-rakan yang baik yang boleh mengingatkan saya tentang tanggungjawab sebagai hamba Allah.<br>- Mendekatkan diri kepada Allah melalui zikir, doa dan bacaan al-Qur'an. | [4 *markah*]<br><br>4m<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |
| | (*c*) | | **<u>Hukum tajwid bagi kalimah di bawah:</u>** (Nyatakan)<br><br>(i) وَلَا ٱلضَّآلِّينَ — Mad Lazim Kalimi Muthaqqal<br>(ii) ءَآلْـَٔنَ — Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf | [2 *markah*]<br><br>2 isi x 1m |

 © 2025 Hak Cipta PEKDIS Kelantan 

| No. Soalan | | | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (*a*) | (i) | <u>**Maksud as-Syahid :**</u> (Nyatakan)<br><br>- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT **Maha Menyaksikan** segala perbuatan (1m) / dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripadaNya.(1m) | [2 *markah*]<br><br>2 isi x 1m |
| | | (ii) | <u>**Dua bukti Allah SWT bersifat as-Syahid :**</u> (Jelaskan)<br><br>- Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya.<br>- Allah SWT Maha Menyaksikan dan Menghitung segala amal perbuatan manusia.<br>- Allah SWT sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara yang nyata dan tersembunyi.<br>- Allah SWT menjadi saksi pembohongan orang-orang munafik. | [4 *markah*]<br><br>2 isi x 2m |
| | | (iii) | <u>**KBAT**</u><br><br><u>**Berdasarkan situasi di atas, kaitkan dengan keimanan terhadap sifat Allah SWT al-Syahid.**</u><br><br><u>**Isi cadangan:**</u><br><br>- Meyakini Allah SWT sentiasa menyaksikan segala perbuatan manusia .<br>- Tiada perkara yang tersembunyi daripada pengetahuan Allah SWT.<br>- Melahirkan insan yang takut dengan azab Allah<br>- Menjauhi perbuatan yang mendatangkan dosa.<br><br> | [4 *markah*]<br><br>4m<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |

 © 2025 Hak Cipta PEKDIS Kelantan 

| No. Soalan | | | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (*b*) | (i) | **<u>Ciri ajaran sesat dari aspek al-Quran dan hadis :</u>** (Jelaskan)<br><br>- Memahami dan mentafsir al-Quran dengan logik akal semata-mata tanpa mengikut disiplin ilmu yang betul.<br>- Meyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi.<br>- Hanya berpegang dengan al-Quran dan menolak hadis sebagai sumber hukum Islam. | [2 *markah*]<br><br>1 isi x 2m |
| | | (ii) | **<u>Dua cara anda menjauhi ajaran sesat :</u>** (Terangkan)<br><br>- Mempelajari akidah yang sebenar (1m) berdasarkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah (1m).<br>- Hindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya (1m) agar iman terpelihara (1m).<br>- Memastikan amalan yang dilakukan benar mengikut panduan al-Quran dan al-Sunnah (1m) agar hidup diberkati Allah (1m).<br>- Mencari maklumat daripada sumber yang sahih (1m) supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat (1m).<br>- Berdoa memohon petunjuk (1m) agar sentiasa berada di jalan benar (1m).<br>- Bertaubat kepada Allah (1m) atas keterlanjuran mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat (1m). | [4 *markah*]<br><br>2 isi x 2m<br><br>Isi : 1m<br>Huraian : 1m |
| | | (iii) | **<u>KBAT</u>**<br><br>**<u>Bincangkan punca masyarakat Islam terjebak dengan ajaran tersebut.</u>**<br><br><br><br><br>**<u>Isi cadangan :</u>**<br><br>- Kurang pengetahuan agama.<br>- Kelemahan pegangan akidah.<br>- Terpengaruh dengan pemimpin ajaran sesat.<br>- Kurangnya pengawasan pihak berkuasa.<br>- Terpengaruh dengan pasangan kekasih yang berfahaman sesat. | [4 *markah*]<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |

 © 2025 Hak Cipta PEKDIS Kelantan 

| No. Soalan | | | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 3 | (*a*) | (i) | **<u>Maksud solat sunat duha :</u>** (Nyatakan)<br>- Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk (1m) hingga sebelum gelincir matahari.(1m) | [2 *markah*]<br>2 isi x 1m |
| | | (ii) | **<u>Dua hikmah menunaikan solat sunat duha :</u>** (Jelaskan)<br>- Mendekatkan diri kepada Allah bagi meraih kasih sayangNya.<br>- Membuktikan ketaatan kepada Allah pada setiap masa.<br>- Mendapat rahmat dan rezeki daripada Allah SWT<br>- **Mana-mana jawapan munasabah diterima** | [4 *markah*]<br>2 isi x 2m |
| | | (iii) | **<u>KBAT</u>**<br>**<u>Wajarkah seseorang itu mengamalkan solat sunat duha hanya dengan niat untuk mendapat rezeki? Berikan hujah anda.</u>**<br>- Tidak wajar kerana ia bertentangan dengan prinsip ikhlas dalam ibadah.<br>- Ibadah mesti dilakukan kerana Allah semata-mata, bukan kepentingan duniawi.<br>- Rezeki adalah ganjaran sampingan, bukan tujuan utama solat Duha.<br>- Keikhlasan dalam beribadah membawa keberkatan dalam rezeki dan kehidupan secara keseluruhan.<br>- Nota : Jawapan **tidak wajar** sahaja tiada markah. | [4 *markah*]<br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |

| No. Soalan | | | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (*b*) | (i) | **<u>Maksud qisas :</u>** (Apakah)<br>- Hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuk hukumannya secara balasan yang sama seperti dalam al-Quran dan al-Sunnah. | [2 *markah*]<br>1 isi x 2m |
| | | (ii) | **<u>Hukum qisas :</u>** (Jelaskan)<br>- Wajib jika mangsa atau waris mangsa mahukan balasan yang sama. (2m)<br>- Mangsa atau waris mangsa boleh menggantikan balasan tersebut dengan diyat atau memaafkan. (2m) | [2 *markah*]<br>1 isi x 2m |
| | | (iii) | **<u>Dua jenis pembunuhan menurut syariat Islam :</u>** (Senaraikan)<br>- Pembunuhan dengan sengaja.<br>- Pembunuhan separa sengaja.<br>- Pembunuhan tanpa niat. | [2 *markah*]<br>2 isi x 1m |
| | | (iv) | **<u>KBAT</u>**<br>[*Islam mementingkan keadilan dalam semua perkara*]<br>**<u>Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.</u>**<br>**<u>Isi cadangan :</u>**<br>- Hukuman dapat dilaksanakan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.<br>- Sebagai pengajaran agar takut untuk melakukan jenayah.<br>- Mangsa berpuas hati dengan balasan yang dikenakan kepada penjenayah.<br>- Masyarakat hidup dengan aman kerana yakin Islam sebagai agama yang adil.<br>- Tidak berlaku kepincangan dalam hukuman yang dilaksanakan. | [4 *markah*]<br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |

 © 2025 Hak Cipta PEKDIS Kelantan 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Peraturan Pemarkahan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td><u>Sejarah Kerajaan Abbasiyah :</u> (Nyatakan)<br>- Asal penubuhan: sempena nama bapa saudara Rasulullah iaitu al-Abbas bin Abdul Muttalib.<br>- Pengasas/ khalifah pertama: Abu al-Abbas Abdullah al-Safah<br>- Bilangan khalifah: 37 orang.<br>- Keluasan kerajaan: meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah.<br>- Pusat pemerintahan : Baghdad.<br>- Tempoh pemerintahan : selama 524 tahun / 132 - 656 H<br>- Antara khalifah yang terkenal :<br>  - Abu al-Abbas Abdullah Al-Safah<br>  - Abu Jaafar al-Mansur<br>  - Harun al-Rasyid<br>  - Abu Jaafar Abdullah Al-Makmun / Al-Makmun bin Harun al-Rasyid</td><td>[4 markah]<br><br>4 isi x 1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td><u>Dua faktor kemerosotan kerajaan Abbasiyah :</u> (Jelaskan)<br>- Campur tangan pegawai berbangsa Parsi dan Turki dalam pemerintahan.<br>- Perebutan kuasa antara khalifah menyebabkan institusi khalifah menjadi semakin lemah.<br>- Kebajikan rakyat terabai akibat kelemahan pentadbiran khalifah.<br>- Pemberontakan dalam kalangan puak Syiah dan Khawarij sehingga mengganggu ketenteraman awam.<br>- Rusuhan dan pemberontakan sering berlaku menyebabkan pedagang luar tidak datang ke Baghdad.<br>- Sektor pertanian merosot kerana sistem pengairan tidak dapat dibaiki ekoran masalah kewangan.<br>- Pertahanan ketenteraan yang lemah memudahkan serangan pihak musuh.</td><td>[4 markah]<br><br>2 isi x 2m<br><br>Isi : 1m<br>Pelengkap Isi : 1m</td></tr>
</table>

| No. Soalan | | | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | **KBAT**<br><br>**[***Pemuda harapan negara, pemudi tiang negara***]**<br><br>**Berdasarkan pernyataan di atas, kemukakan pendapat anda.**<br><br>**Isi cadangan :**<br>- Golongan muda berperanan menjaga kestabilan negara.<br>- Golongan muda tidak boleh melakukan perkara menjatuhkan maruah negara.<br>- Golongan muda perlu menjadi rakyat yang berkualiti<br>- Negara akan rosak jika golongan muda rosak<br>- Negara perlu melahirkan pemimpin muda yang baik<br><br>**#jawapan boleh dari aspek negara@ golongan muda** | [4 *markah*]<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |
| | (*b*) | (i) | **Pekerjaan Ahmad bin Ibrahim :** (Nyatakan)<br><br>- **Pensyarah kuliah Undang-undang** di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (UIAM)<br>- **Hakim Mahkamah Rayuan** / **Hakim Mahkamah Syariah**. | [2 *markah*]<br><br>2 isi x 1m |
| | | (ii) | **Hasil karya beliau :** (Jelaskan)<br><br>- Buku Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia seperti Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia dan Family Law in Malaysia.<br>- Pelopor Jurnal Hukum.<br>- Menghasilkan buku-buku berkaitan dengan undang-undang di Malaysia seperti Sistem Undang-undang Malaysia/ Islamic Law in Malaysia. | [2 *markah*]<br><br>1 isi x 2m |

 © 2025 Hak Cipta PEKDIS Kelantan 

| No. Soalan | | | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (*c*) | | **<u>KBAT</u>**<br><br>**<u>Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda mengaplikasikannya dalam kehidupan seorang murid? Huraikan.</u>**<br><br>**<u>Isi cadangan :</u>**<br>- Sentiasa membaca / menghafaz al-Quran<br>- Banyakkan menunaikan solat sunat<br>- Istiqamah berzikir<br>- Melazimi qiamullail<br>- Sering berpuasa sunat<br> | [4 *markah*]<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |
| 5 | (*a*) | (i) | **<u>Dua adab menyantuni orang sakit dari segi fizikal :</u>** (Nyatakan)<br><br>- Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih.<br>- Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit. | [2 *markah*]<br><br>2 isi x 1m |
| | | (ii) | **<u>Dua hikmah beradab terhadap orang sakit :</u>** (Terangkan)<br><br>- Menggembirakan hati pesakit / agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah.<br>- Menguatkan ukhuwah sesama anggota masyarakat / agar hidup diberkati Allah.<br>- Melahirkan keinsafan / kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit. | [4 *markah*]<br><br>2 isi x 2m<br><br>Isi : 1m<br>Huraian : 1m |

 © 2025 Hak Cipta PEKDIS Kelantan 

| No. Soalan | | | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | **KBAT**<br><br>[ *Imam Al -Ghazali dalam Ihya' Ulumuddin ada menekankan: "Ziarah orang sakit adalah satu bentuk simpati yang mendalam dan menzahirkan kasih sayang"*]<br><br>**Bincangkan apa akan terjadi sekiranya perkara di atas diabaikan.**<br><br>**Isi cadangan :**<br>- Hati menjadi keras dan tidak sensitif pada penderitaan orang lain.<br>- Terputus ikatan ukhwah dan persaudaraan.<br>- Hilangnya peluang memperoleh rahmat dan pengampunan Allah SWT.<br>- Pesakit terabai / kemurungan / lambat sembuh.<br>- Lahir sikap individualistik / pentingkan diri sendiri. | [4 *markah*]<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |
| | (*b*) | (i) | **Maksud alam sekitar :** (Nyatakan)<br>- Segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling kita. | [2 *markah*]<br><br>1 isi x 2m |
| | | (ii) | **Kelebihan adab menjaga alam sekitar :** (Jelaskan)<br>- Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar **kerana** menyedari tanggungjawab yang diamanahkan.<br>- Melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa **kerana** melihat keindahan alam.<br>- Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada penyakit **kerana** pembudayaan cintakan alam sekitar.<br>- Melestarikan alam sekitar yang indah **untuk** dimanfaatkan kepada generasi akan datang. | [2 *markah*]<br><br>2 isi x 1m<br><br>Isi : 1m<br>Huraian : 1m |

 © 2025 Hak Cipta PEKDIS Kelantan 

| No. Soalan | | | Peraturan Pemarkahan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | **<u>KBAT</u>** | [6 *markah*] |
| | | | **a) <u>Huraikan punca berlakunya masalah di atas.</u>** | |
| | | | **<u>Isi cadangan :</u>** | |
| | | | - Pembakaran secara terbuka menyebabkan berlakunya pelepasan asap ke udara .<br>- Kenderaan bermotor membebaskan gas karbon monoksida menyebabkan ruang udara tercemar.<br>- Kilang dan loji industri melepaskan bahan tercemar seperti karbon dioksida melalui cerobong asap. | 2m<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m |
| | | | **b) <u>Cadangkan langkah yang berkesan bagi mengatasi masalah tersebut.</u>** | |
| | | | **<u>Isi cadangan :</u>** | |
| | | | - Kurangkan penggunaan kenderaan persendirian. Galakkan berkongsi kereta atau guna kenderaan awam.<br>- Hentikan pembakaran sampah atau ladang secara terbuka.<br>- Hukuman berat untuk kilang yang melanggar syarat.<br>- Mengadakan kempen di media sosial dan di sekolah tentang bahaya pencemaran alam sekitar.<br>- Tanam lebih banyak pokok di kawasan bandar. | 4m<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |
| | | |  | |



**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

 © 2025 Hak Cipta PEKDIS Kelantan 